

MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 2 TAHUN 2024
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
(JKPTG)

Tarikh	:	15 Ogos 2024 (Khamis)
Masa	:	8.30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Lagenda 5 & 6 Hotel Ideas Kuala Lumpur
Pengerusi	:	YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kehadiran	:	(seperti di Lampiran 1)

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 2 Tahun 2024.

- 1.2. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG yang telah bertukar keluar seperti berikut:
 - i. Encik Nadzrul Shafizal Bin Sirajudin, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 daripada JKPTG Negeri Selangor yang telah bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor mulai 22 April 2024;

 - ii. Encik Azelin bin Ithnin, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 daripada Bahagian Khidmat Pengurusan yang telah bertukar ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia mulai 15 Julai 2024; dan

- iii. Encik Mohd Sanizam bin Md Saad, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22(TBK) daripada Bahagian Khidmat Pengurusan yang telah bertukar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai 15 Julai 2024.
- 1.3. YBhg. Datuk Pengerusi turut mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli MBJ JKPTG yang baharu iaitu:
- i. Puan Nor Fadhilah binti Dollah, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 daripada Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP);
 - ii. Puan Azelah binti Kamaludin, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19 daripada Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah (BPICT); dan
 - iii. Encik Muhamad Faisal Bin Ab Hamid, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22(TBK) daripada JKPTG Negeri Selangor.
- 1.4. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan tanhniah dan merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan di atas penganjuran sambutan Hari Tanah Negara (HTN) ke-8 tahun 2024 pada 31 Julai dan 1 Ogos 2024 yang lalu.
- 1.5. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:

(i) **Amanat Ketua Setiausaha Negara**

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan susulan pelantikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu iaitu YBhg. Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi penekanan antaranya

memperkasakan tatakelola dalam tadbir urus organisasi. Selain itu isu integriti juga perlu diberi perhatian kerana terdapat laporan kes berkaitan salah laku rasuah dan juga penyalahgunaan dadah di kalangan warga Jabatan.

- b) YBhg. Datuk Pengerusi memohon kerjasama daripada ahli-ahli MBJ untuk mengingatkan warga Jabatan agar menjauhi perkara-perkara yang terlarang dan boleh menjelaskan perkhidmatan awam seperti mana yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

(ii) Konsep Nilai HEMAT oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

- a) YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan semua ahli mesyuarat untuk memberi penekanan pada prinsip H.E.M.A.T yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 21 Februari 2024.
- b) Konsep HEMAT merujuk kepada akronim Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Prinsip HEMAT ini bertujuan supaya penjawat awam hendaklah sentiasa berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien

(iii) Pencapaian Sasaran Kerja Utama (SKU) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Tahun 2024

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memohon kerjasama semua warga JKPTG untuk sama-sama berusaha melaksanakan kerja dan tugas dengan jayanya supaya dapat mencapai sasaran SKU dan KPI yang telah ditetapkan bagi tahun ini.
- b) Kementerian melalui edaran e-mel pada 5 Ogos 2024 telah memaklumkan bagi tahun 2024 bilangan hari berkursus diwajibkan adalah sebanyak lima (5) hari. YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua warga kerja JKPTG untuk melengkapkan bilangan hari berkursus seperti mana arahan yang telah ditetapkan kerana pematuhan bilangan hari latihan atau kursus telah dijadikan KPI baharu Jabatan oleh Kementerian.

(iv) Pengemaskinian Maklumat Penjawat Awam di dalam HRMIS Bagi Tujuan Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua warga Jabatan untuk menyelesaikan proses kemas kini maklumat rekod peribadi dan profail perkhidmatan dalam sistem HRMIS sebelum 1 September 2024. Tindakan ini adalah sebagai persediaan gerak kerja awal ke arah pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) 2024 pada 16 Ogos 2024.
- b) YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar semua warga Jabatan dapat meningkatkan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan kenaikan gaji.

(v) **Permohonan Tapisan Keselamatan Semula Melalui Sistem E-Vetting CGSO**

a) YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua warga Jabatan yang telah melebihi tempoh lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan terdahulu untuk melaksanakan permohonan tapisan keselamatan semula melalui sistem E-Vetting CGSO sebelum 31 Ogos 2024. Ini adalah selaras dengan keputusan Pekeliling Am Am Bilangan 5 Tahun 2021.

(vi) **Program Semarak Merdeka NRES Tahun 2024**

a) Program Semarak Kemerdekaan Tahun 2024 peringkat JKPTG akan diadakan pada 24 Ogos 2024 di JKPTG Negeri Kedah. Program ini diadakan bagi menyemarakkan semangat kemerdekaan dan cintakan tanah air sempena bulan kemerdekaan.

b) Program ini akan disertai oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian, ketua-ketua Jabatan dan jemputan entiti NGO. Sehubungan itu, semua warga kerja Jabatan dijemput hadir beramai-ramai bersama keluarga ke program berkenaan.

1.6. YBhg. Datuk Pengerusi memohon kerjasama semua agar forum MBJ akan terus menjadi penghubung dan platform bersama Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada semua pemegang taruh dan masyarakat yang berurusan dengan JKPTG.

2. PERUTUSAN NAIB PENGERUSI

- 2.1. YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran tiga (3) ahli baharu yang telah menyertai barisan Pihak Pekerja.
- 2.2. YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Setiausaha Pihak Pekerja iaitu Puan Nazatul Shima binti Ismail, Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22(TBK) daripada Bahagian Khidmat Pengurusan sedang cuti bersalin dan jawatan tersebut akan disandang buat sementara oleh Puan Salfaryna binti Mohd Soofi.
- 2.3. YBrs. Naib Pengerusi merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan di atas penganjuran Bengkel Pengukuhan MBJ JKPTG Tahun 2024 yang diadakan di luar pejabat serta pengisian program ceramah mengenai Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 yang penuh bermanfaat.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **Bilangan 1 Tahun 2024** yang diadakan pada **7 Mac 2024** disahkan tanpa pindaan.

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK)

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)

- 4.1.1 Berdasarkan semakan BKP dengan beberapa Kementerian/ Jabatan lain mendapati bahawa praktis terbaik pembayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) adalah selepas tamat tempoh penanggungan bagi mengelakkan berlakunya lebihan bayaran dan seterusnya akan menyebabkan berlakunya ABT; dan

4.1.2 BKP akan menyediakan Kew.8 pembayaran ETK sebaik sahaja tamat tempoh penanggungan. Walau bagaimanapun, tarikh penerimaan ETK ke dalam akaun pegawai tertakluk kepada Jadual Proses Pembayaran Gaji yang telah ditetapkan oleh Bahagian Akaun, NRES.

Makluman

4.2 Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2024)

4.2.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 2.2, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal boleh meluluskan kemudahan membuat tuntutan caj bulanan pasca bayar atau tambah nilai pra bayar kepada pegawai selain daripada pegawai tersenarai di perenggan 4.1.2 sehingga maksimum RM100.00 setiap bulan. Kelulusan pemberian kemudahan berkenaan hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:

- a) Keadaan tugas yang sentiasa memerlukan pegawai membuat panggilan rasmi serta-merta secara berterusan dan alat komunikasi mudah alih merupakan bentuk komunikasi yang paling berkesan bagi melaksanakan tugas berkenaan dengan cekap;
- b) Alat komunikasi mudah alih tersebut adalah hak milik pegawai dan talian hendaklah didaftarkan atas nama pegawai; dan
- c) Kerajaan akan menanggung caj bulanan sahaja.

- 4.2.2 Sehubungan itu, bagi kemudahan tuntutan caj bulanan alat komunikasi mudah alih **dipanjangkan kepada Pengantar Notis dan Pembantu Awam yang bertugas sebagai pemandu gantian adalah tertakluk kepada kelulusan pegawai pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal.** Walau bagaimanapun, pemantauan dan kawalan dalaman adalah digalakkan (mohon rujuk bersama surat Pindaan Peraturan dan Kadar Caj Bulanan di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 2.2 - Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih yang dikeluarkan Kementerian Kewangan bernombor rujukan MOF.DS(S)600-32/1/1 JLD.2 (8)); dan
- 4.2.3 YBhg. Datuk Pengerasi memohon BKP untuk menganalisa implikasi kewangan serta mengkaji pakej talian telefon yang bersesuaian sekiranya kemudahan ini ingin dipanjangkan kepada Pengantar Notis. BKP juga akan membuat perbandingan keperluan ini dengan Jabatan/ Kementerian yang mempunyai skim perkhidmatan Pengantar Notis dengan bidang tugas yang hampir sama.

Tindakan: BKP

4.3 Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2024)

- 4.3.1 Pihak Pekerja telah mengemukakan cadangan kriteria pencalonan penerima APC yang boleh memuaskan hati semua pihak kepada BKP pada 7 Mac 2024;
- 4.3.2 Pihak Pekerja memaklumkan masih terdapat isu berbangkit berhubung APC kerana berdasarkan pemberian APC tahun 2023 masih terdapat penerima APC yang bukan dicalonkan oleh Pengarah/ Ketua Unit. Selain itu, ada beberapa tanggapan

bahawa pegawai yang menerima APC tidak melaksanakan tugas hakiki dengan baik serta dianggap kurang cemerlang di kalangan rakan sekerja lain. Pihak Pekerja berpandangan markah LNPT yang diberikan tidak menggambarkan prestasi kerja pegawai yang menerima APC. Pihak Pekerja juga berpandangan penyelia perlu memberi penilaian markah LNPT bawah 85% bagi pegawai yang kurang cemerlang;

- 4.3.3 YBhg. Datuk TKP SPO menjelaskan penilaian LNPT yang dilaksanakan bukanlah semata-mata bagi tujuan pemberian APC. Markah LNPT juga merupakan antara kriteria utama yang dipertimbangkan dalam urusan pergerakan gaji tahunan, urusan kenaikan pangkat, pemohonan melanjutkan pengajian, permohonan mengikuti kursus dan lain-lain. Penilaian markah LNPT di bawah 85% dikhuatiri menjelaskan peluang pegawai dalam urusan-urusan tersebut dan memberi imej buruk pada Jabatan;
- 4.3.4 YBhg. Datuk Pengerusi mengambil maklum isu yang dibangkitkan mengenai APC dan telah mengambil kira cadangan kriteria pencalonan penerima APC yang telah dikemukakan oleh Pihak Pekerja. Berdasarkan pemilihan yang telah dilaksanakan, lebih daripada 75% pegawai yang menerima APC adalah seperti mana yang diperakukan oleh Pengarah/ Ketua Unit masing-masing;
- 4.3.5 Walau bagaimanapun YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan tindakan pihak-pihak yang mempersoalkan fungsi dan peranan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) adalah tidak wajar kerana penubuhan PPSM adalah berdasarkan punca kuasa dan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh JPA. Sehubungan itu, semua warga Jabatan dimohon untuk menghormati keputusan PPSM dan mengamalkan sikap bersangka baik sesama rakan sekerja dalam organisasi;

- 4.3.6 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan pihak pengurusan bersikap terbuka untuk membincangkan kriteria pencalonan penerima APC namun menegaskan bahawa isu ketidakpuashatian berhubung APC akan sentiasa wujud di mana-mana Jabatan sekali pun;
- 4.3.7 Wakil Pihak Pekerja (BPP) berpandangan sekiranya semua pegawai sentiasa merujuk pada senarai tugas harian dan myPortfolio masing-masing isu pegawai tidak melaksanakan tugas hakiki tidak seharusnya timbul. Namun sekiranya isu pegawai tidak melaksanakan tugas masih berlaku, ia memerlukan tindakan sewajarnya daripada penyelia dan pihak pengurusan melalui garis panduan menguruskan pegawai berprestasi rendah dan pegawai yang bermasalah;
- 4.3.8 YBrs. Tuan TKP SKPP memaklumkan pemilihan dan perbincangan di kalangan PPSM berhubung pemberian APC bukanlah satu proses yang mudah malahan mengambil masa yang lama. PPSM telah sedaya upaya bersikap adil dalam setiap peringkat dan mengambil kira semua kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun kriteria penilaian APC pada masa akan datang mungkin akan berubah dengan menggunakan Modul Pengurusan Prestasi - *MyPerformance* dan tertakluk pada dasar Kerajaan semasa; dan
- 4.3.9 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan sekiranya masih terdapat cadangan pemilihan pencalonan APC, cadangan tersebut boleh dikemukakan secara bertulis dan pihak pengurusan akan mempertimbangkan cadangan tersebut ke arah menambah baik kriteria pemilihan pencalonan APC Jabatan.

Makluman

4.4 Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantar Notis

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2024)

4.4.1 BKP sedang mendapatkan senarai keperluan baju hujan daripada Negeri. Perolehan baju hujan ini akan dilaksanakan akhir Oktober 2024.

Tindakan: BKP

4.5 Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2024)

4.5.1 BPICT memaklumkan penyertaan bagi Pertandingan Video Pendek JKPTG telah mula dibuka pada 22 April sehingga 31 Julai 2024;

4.5.2 BPICT telah menerima lima (5) penyertaan daripada Ibu Pejabat dan Negeri yang memaparkan perlbagai jenis video mengenai urusan-urusan di JKPTG antara pembahagian pusaka, penyewaan tanah, pengambilan tanah dan lain-lain;

4.5.3 BPICT akan membuat pemilihan video terbaik berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan keputusan pertandingan akan dimuktamadkan pada akhir bulan Ogos 2024; dan

4.5.4 YBhg. Datuk Pengurus menggalakkan ahli-ahli MBJ untuk memberi sokongan kepada Jabatan di atas penganjuran program seumpama ini kerana penghasilan video ini akan menjadi sumber bagi mempromosikan fungsi dan peranan Jabatan terutamanya kepada orang awam.

Tindakan: BPICT

4.6 Penyelarasan Semula Kadar Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai Yang Menjalankan Tugas Rasmi

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)

- 4.6.1 Pihak pengurusan mengambil perhatian atas keperluan yang dinyatakan oleh Pihak Pekerja. Cadangan penambahbaikan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Kementerian Kewangan telah dikemukakan pada 7 Ogos 2024; dan
- 4.6.2 Sebarang perkembangan berhubung perkara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Makluman

4.7 Spesifikasi Kenderaan Jabatan Jenis Pacuan Empat Roda 4x4 Pelbagai Guna

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)

- 4.7.1 BKP telah mengadakan perbincangan dengan syarikat sewaan kereta Hilux iaitu AFT SMART Enterprise pada 15 Mac 2024 dan syarikat tersebut bersetuju untuk membuat pemasangan kamera pandang belakang untuk 14 buah kenderaan Hilux yang disewa;
- 4.7.2 Pada 5 Julai 2024 pemasangan kamera pandang belakang telah dibuat untuk kenderaan Hilux JKPTG WPKL dan akan diikuti dengan JKPTG Negeri yang lain mengikut giliran; dan
- 4.7.3 Berkenaan tayar kenderaan yang dirasakan kurang sesuai untuk digunakan sewaktu lawatan tapak di kawasan pedalaman, pihak syarikat memaklumkan bahawa perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan memandangkan ianya melibatkan perubahan spesifikasi kenderaan yang akan

mengakibatkan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun pemandu-pemandu JKPTG telah didedahkan mengenai cara penggunaan hilux secara off-road semasa Kursus Pemantapan Pemandu JKPTG yang telah diadakan pada 26 - 29 Julai 2024 di Mersing, Johor; dan

- 4.7.4 YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan cadangan Jabatan untuk menambah bilangan sewaan kenderaan Jabatan dengan peruntukan maksimum RM1.7 juta setahun.

Makluman

4.8 Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan

(*Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2024*)

- 4.8.1 Berdasarkan maklum balas daripada BKP NRES, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menetapkan kuota bagi setiap Kementerian dan Jabatan. Secara keseluruhannya, terdapat 24 Jabatan yang dipilih oleh JAKIM dan JKPTG tidak termasuk dalam senarai tersebut;
- 4.8.2 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan penyertaan adalah berdasarkan jemputan daripada pihak Kementerian dan tiada kuota khas bagi Jabatan; dan
- 4.8.3 BKP akan menghubungi JAKIM berhubung perkara dan akan membuat permohonan yang sewajarnya.

Tindakan: BKP

5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA

YBrs. Naib Pengurus memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada **29 Julai 2024** dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

5.1. PENTADBIRAN

5.1.1. Cadangan Menempatkan Vendor di JKPTG Negeri Bagi Khidmat Sokongan Sistem MyLand

- 5.1.1.1. Pihak Pekerja memohon pertimbangan agar disediakan sekurang-kurangnya seorang vendor untuk membantu menyelesaikan masalah sistem MyLand yang kurang stabil secara langsung di Negeri terutamanya di Negeri yang mempunyai urusan permohonan pembahagian pusaka dan pengambilan tanah yang tinggi;
- 5.1.1.2. BPICT menyambut baik cadangan daripada Pihak Pekerja dan memaklumkan berdasarkan kontrak sedia ada, penempatan vendor di Negeri bagi khidmat sokongan boleh dilaksanakan apabila terdapat isu berkaitan sistem;
- 5.1.1.3. Walau bagaimanapun penempatan pasukan vendor di suatu stesen (Negeri) bukan secara kekal dan akan dimobilisasikan ke stesen lain berdasarkan keperluan. Vendor akan mengenal pasti isu dan masalah berkaitan sistem dan akan melaksanakan penambahbaikan yang sewajarnya sehingga selesai;

- 5.1.1.4. Selain itu, pihak BPICT juga telah mewujudkan *Whatsapp group* untuk memudahkan komunikasi dan pemantauan khidmat sokongan secara berterusan. Pihak Negeri disarankan untuk terus memaklumkan kepada BPICT sekiranya terdapat isu dan memerlukan pemantauan berhubung sistem MyLand;
- 5.1.1.5. BPP memaklumkan berdasarkan penggunaan sistem Myland bagi Modul Pembahagian Pusaka yang telah *go live* hampir sebulan, antara masalah utama yang telah dikenal pasti adalah berkaitan kelambatan (*slowness*) pada server, agihan fail yang tidak dapat dijejak apabila berlaku penyerahan urusan daripada seorang pegawai ke pegawai lain, pengeluaran format perintah yang tidak sempurna dan beberapa isu lain;
- 5.1.1.6. BPICT memaklumkan telah memberikan masa kepada vendor selama dua (2) minggu untuk menyelesaikan isu berbangkit Modul Pembahagian Pusaka dan vendor telah melaksanakan tindakan penyelesaian secara berperingkat; dan
- 5.1.1.7. YBhg. Datuk Pengurus memohon BPICT untuk mengemukakan surat rasmi kepada vendor dan menyenaraikan isu dan masalah yang timbul berhubung Modul Pembahagian Pusaka.

Tindakan: BPICT

5.2. SUMBER MANUSIA

5.2.1. Status Hala Tuju Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 di UPK

- 5.2.1.1. Pihak Pekerja memohon pemakluman berhubung status perjawatan bagi Pegawai Tadbir Gred N41 di Unit Petugas Khas (UPK) dari segi hala tuju dan perancangan kerjaya masa hadapan;
- 5.2.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi menegaskan tidak wujud istilah Pegawai Pusaka dan Pegawai UPK di JKPTG dan memohon semua ahli mesyuarat untuk memperbetulkan dan memahami konsep berikut:

Skim Perkhidmatan	:	Pegawai Tadbir
Gred	:	N41 hingga N54
Ketua Perkhidmatan	:	Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Jabatan	:	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Penempatan	:	Bahagian Pembangunan Pusaka; atau Unit Petugas Khas

- 5.2.1.3. Berdasarkan semakan bersama pihak JPA, pegawai daripada skim perkhidmatan bukan gunasama Gred 41 boleh dipertimbangkan untuk pemangkuan secara fleksi ke jawatan Gred 44 selepas 8 tahun perkhidmatan dan pegawai tersebut berada dalam perjawatan fleksi Gred 41/44;
- 5.2.1.4. JKPTG telah melaksanakan strategi jangka pendek di mana lapan (8) Pegawai Tadbir Gred N41 (penempatan UPK) telah mula ditempatkan ke dalam

waran perjawatan fleksi Gred N41/N44 di Bahagian Pembahagian Pusaka;

- 5.2.1.5. Sekiranya pegawai tersebut kekal berada dalam waran perjawatan BPP, pegawai boleh dipertimbangkan untuk pemangkuan secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N44 selepas 8 tahun perkhidmatan;
- 5.2.1.6. Manakala bagi 30 Pegawai Tadbir Gred N41 yang masih kekal penempatan di UPK, sekiranya terdapat kekosongan jawatan Pegawai Tadbir Gred N44 di penempatan BPP, pegawai tersebut juga akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai juga perlu bersedia dan mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran bagi kedua-dua bidang tugas pembahagian pusaka dan pengambilan tanah;
- 5.2.1.7. YBhg. Datuk Pengerusi mengambil maklum kerunsingan yang dihadapi berhubung isu ini dan telah memohon perhatian khusus daripada YBhg. Datuk KSU Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) kerana terdapat banyak pegawai daripada skim perkhidmatan bukan gunasama (*closed service*) yang berada di bawah NRES turut menghadapi masalah yang sama;
- 5.2.1.8. YBhg. Datuk Pengerusi turut memohon pertimbangan daripada pihak NRES untuk menyelaraskan permohonan kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai daripada skim perkhidmatan bukan gunasama di bawah NRES

namun tertakluk pada kelulusan daripada pihak JPA;
dan

- 5.2.1.9. YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar wakil MBJ dapat memberi penerangan yang jelas berhubung perkara kepada rakan sejawat yang lain. Sebagai langkah untuk mengharmonikan dan menyeragamkan gelaran jawatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Tadbir di JKPTG, BKP akan mengeluarkan pemakluman rasmi kepada semua warga Jabatan.

Tindakan: BKP

5.3. KEBAJIKAN

5.3.1. Sumbangan Ihsan Kepada Pegawai Yang Terlibat Kemalangan Sewaktu Menjalankan Tugasan Rasmi

- 5.3.1.1. Pihak Pekerja memohon JKPTG mempertimbangkan bayaran ihsan kepada pegawai yang terlibat dengan kemalangan ketika bertugas. Cadangan pemberian kadar ihsan adalah berjumlah minima RM100.00 dan maksimum RM150.00 sahaja. Bayaran yang diterima boleh digunakan bagi kos membaiki kerosakan kenderaan akibat kemalangan serta dapat mengurangkan serba sedikit bebanan perbelanjaan lain pegawai yang terlibat;

- 5.3.1.2. Secara dasarnya, pelaksanaan Skim Bayaran Pampasan (*Ex-Gratia*) secara pentadbiran bagi Pegawai Kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pegawai Berpencen yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk yang teraniaya disebabkan oleh anasir-anasir jahat

semasa menjalankan tugas rasmi tidak memperuntukkan pemberian wang ihsan;

- 5.3.1.3. Berdasarkan semakan, YBhg. Datuk Pengerusi dalam Mesyuarat MBJ JKPTG Bil. 2 Tahun 2023 telah menyarankan semua warga Jabatan untuk mempunyai polisi perlindungan insuran untuk melindungi diri dan keluarga sekiranya ditimpa penyakit dan ada bencana luar jangka. Dalam hal ini, polisi insuran daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) iaitu CUEPACS CARE boleh dimohon oleh warga kerja JKPTG kerana ia menawarkan harga polisi yang berpatutan kepada semua penjawat awam;
- 5.3.1.4. YBhg. Datuk Pengerusi juga telah membenarkan setiap JKPTG Negeri untuk menawarkan sewaan dua (2) lot tanah Persekutuan dan hasil sewaan tersebut boleh dimasukkan ke dalam tabung Kelab Kebajikan di Negeri masing-masing; dan
- 5.3.1.5. Sehubungan itu, cadangan pemberian sumbangan wang ihsan boleh dipanjangkan kepada Kelab Kebajikan di Negeri dan dipertimbangkan secara case by case atau pun melalui inisiatif sendiri melalui kutipan wang sumbangan di kalangan warga JKPTG.

Makluman

6. HAL – HAL LAIN

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

6.1 Semakan Semula Kuota APC di JKPTG Ibu Pejabat dan Negeri

6.1.1 Pihak Pekerja memohon semakan semula kouta bagi APC di peringkat Negeri dan Ibu Pejabat kerana perpandangan wujud ketidakadilan kepada kouta APC sedia ada;

6.1.2 Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.1 dasar penganugerahan PPC dan pemberian APC adalah seperti berikut:

“Bilangan keseluruhan penerima PPC dan APC bagi setiap agensi tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian”.

6.1.3 Kaedah pembahagian kuota APC di dalam Jabatan pula adalah tertakluk kepada pertimbangan Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) berdasarkan jumlah pengisian di Bahagian/Negeri.

Makluman

6.2 Penganjuran Kursus/ Bengkel Pada Hari Kelepasan Am

6.2.1 Pihak Pekerja memohon jasa baik daripada pihak pengurusan untuk mengelakkan penganjuran kursus/ bengkel pada hari kelepasan am; dan

- 6.2.2 Pihak pengurusan mengambil maklum berhubung perkara ini dan bersetuju dengan pandangan daripada Pihak Pekerja terutamanya bagi hari kelepasan am yang melibatkan sambutan perayaan.

Makluman

6.3 Pemakluman Lewat Penganjuran Kursus/ Bengkel

- 6.3.1 Pihak Pekerja mendapati terdapat beberapa pemakluman dan jemputan ke kursus/ bengkel yang dikemukakan lewat oleh pihak penganjur;
- 6.3.2 Pihak Pekerja memohon agar pihak penganjur untuk memaklumkan lebih awal kepada peserta bagi mengelakkan pertindihan pada jadual kerja dan perancangan cuti masing-masing; dan
- 6.3.3 Pihak Pekerja mencadangkan pengajuran kursus/ bengkel untuk memberi pemakluman awal kepada peserta berkenaan tarikh cadangan program untuk melapangkan tarikh dan membuat perancangan kerja yang sewajarnya.

Makluman

6.4 Peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Ke Arah Peningkatan Hasil dan Pencapaian Jabatan

- 6.4.1 YBhg. Datuk TKP SPO memohon kerjasama daripada ahli-ahli MBJ untuk turut sama membantu pihak pengurusan dalam mempertingkatkan hasil dan pencapaian Jabatan daripada aspek kecekapan dalam menjalankan tugas seiring dengan perkembangan teknologi dan digital masa kini;

- 6.4.2 Ahli-ahli MBJ juga dinasihatkan untuk lebih peka dengan isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara dan mengambil pengajaran supaya tidak menjelaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam;
- 6.4.3 YBhg. Datuk Pengurus turut bersetuju dengan pandangan daripada YBhg. Datuk TKP SPO kerana berdasarkan pemerhatian pihak pengurusan usul-usul yang dibawa oleh ahli MBJ ke dalam mesyuarat tidak menjurus kepada usaha untuk menambah baik proses kerja dan meningkatkan produktiviti;
- 6.4.4 YBrs. Tuan TKP SKPP juga berpandangan susulan pengumuman YAB Perdana Menteri berhubung Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA), MBJ seharusnya turut sama berperanan menyahut hasrat kepimpinan negara dalam memastikan pihak pekerja memberikan komitmen bekerja dengan lebih efisyen; dan
- 6.4.5 Pengarah dan wakil MBJ di Negeri amat dialu-alukan untuk bersama-sama membantu BKP dalam sesi libat urus yang akan dirancang kemudian. Sesi ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada warga Jabatan terutamanya perkara yang melibatkan penawaran opsyen.

Makluman

6.5 Pemakluman Alamat Rasmi JKPTG Ibu Pejabat

- 6.5.1 Pihak Pekerja memohon pengesahan daripada pihak pengurusan berkenaan alamat rasmi JKPTG Ibu Pejabat susulan perpindahan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) ke bangunan Wisma Sumber Asli;

- 6.5.2 BKP memaklumkan JKR sedang dalam proses transisi petukaran nama bangunan Wisma Sumber Asli kepada Menara PETRA dan dijangka selesai dalam tempoh dua (2) bulan; dan
- 6.5.3 BKP akan mendapatkan pengesahan berhubung perkara ini dan memberi pemakluman rasmi kepada semua warga Jabatan.

Tindakan: BKP

7. PENUTUP

- 7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat. YBhg. Datuk Pengerusi memohon kepada semua wakil Pihak Pekerja untuk memberi perhatian terutamanya perkara-perkara yang melibatkan penyampaian perkhidmatan supaya dapat dipertingkatkan selaras dengan penekanan hasrat Kerajaan.
- 7.2 Mesyuarat ditangguhkan jam petang 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG
Bahagian Khidmat Pengurusan
21 Ogos 2024

Disemak oleh:



Abd Rahim bin Abd Razak
Setiausaha Pihak Pegawai



Salfaryna binti Mohd Soofi
Setiausaha Pihak Pekerja

Lampiran 1

SENARAI KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

- | | |
|--|---------------------|
| 1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan | - Pengerusi |
| 2. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan | |
| 3. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Penyelarasian dan Operasi | |
| 4. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar
Pengarah
Bahagian Pengambilan Tanah | |
| 5. Puan Tengku Rohana binti Tengku Nawawi
Pengarah
Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah | |
| 6. Encik Baharuddin bin Aziz
Pengarah
Bahagian Pembahagian Pusaka | |
| 7. Encik Lee Teck Chiang
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan | |
| 8. Encik Anuar bin Isa
Pengarah
JKPTG Negeri Kedah | |
| 9. Encik Abd Rahim bin Abd Razak
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan | - Setiausaha |

PIHAK PEKERJA

1. Puan Yati binti Musa
Penolong Pengarah
Bahagian Dasar dan Konsultasi
- Naib Pengerusi
2. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi
Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)
JKPTG Negeri Selangor
- Setiausaha
3. Encik Roslan bin Md Mohdin
Penolong Pengarah(Unit Petugas Khas)
JKPTG WP Kuala Lumpur
4. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
JKPTG Negeri Sembilan
5. Encik Md Jafri bin Joalis
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Johor
6. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Sarawak
7. Encik Mohd Talha bin Ibrahim
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Puan Nor Fadhilah binti Dollah
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Pembahagian Pusaka
9. Puan Azelah binti Kamaludin
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah
10. Encik Muhamad Faisal Bin Ab Hamid
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
JKPTG Negeri Selangor
11. Encik Muhammad Azhari bin Ab Roni
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Kedah
12. Encik Mohd Luqman bin Mohd Nasib
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pulau Pinang

13. Puan Rabia'tul binti Mohamad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Melaka
14. Puan Rosni bin Ahmad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pahang
15. Puan Norhayati bin Che Wil
Pelukis Pelan
JKPTG Negeri Kelantan
16. Encik Hasan bin Ali
Penghantar Notis
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Perlis
17. Encik Noor Shahrir bin Noor Yusof
Pembantu Awam
Bahagian Harta Tanah Persekutuan
18. Encik Ahmad Shukree bin Taha
Penghantar Notis
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Terengganu
19. Encik Mohd Syahrin bin Adnan
Pembantu Awam
JKPTG Negeri Perak

TURUT HADIR

1. Puan Nur Hazwani binti Hashim
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Puan Zarith Sofia binti Mohd Zahar
Akauntan
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urus Setia
4. Puan Khairiahni binti Mokhtar
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urus Setia
5. Puan Norzita binti Mohd Nor
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urus Setia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEGAWAI

1. Encik Anwar Tajuddin bin Ismail
Penolong Pegawai Tanah
Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum
2. Puan Nazatul Shima binti Ismail
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Encik Maslie bin Meli
Pemandu
JKPTG Negeri Sabah

Lampiran 2

PENGKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT
MBJ BIL. 2 TAHUN 2024 BAGI JKPTG

BIL	PERKARA	PERKARA BERBANGKIT				ISU BARU			
		SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN
1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	2	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) • Penyelarasan Semula Kadar Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai Yang Merjalankan Tugas Rasmi - 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Unsur Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2 	1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-
2.	PENTADBIRAN	1	<ul style="list-style-type: none"> • Spesifikasi Kenderaan Jabatan Jenis Pacuan Empat Roda 4x4 Pelbagai Guna 	-	-	2.	PENTADBIRAN	-	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan Menempalkan Vendor di JKPTG Negeri Bagi Khidmat Sokongan Sistem MyLand
3.	SUMBER MANUSIA	1	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 	-	-	3.	SUMBER MANUSIA	-	<ul style="list-style-type: none"> • Status Hala Tuju Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 di UPK
4.	KEBAJIKAN	-	-	2	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantaran Notis Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan • Sumbangan Ihsan Kepada Pegawai Yang Terlibat Kemalangan Sewaktu Menjalankan Tugasan Rasmi 	4.	KEBAJIKAN	1	-

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	1	• Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-
6.	LAIN-LAIN	-	-	-	4	6.	LAIN-LAIN	4	• Semakan Semula Kuota APC di JKPTG Ibu Pejabat dan Negeri Penganjuran Kursus/Bengkel Pada Hafiz Kelepasan Am Pemakluman Lewat Penganjuran Kursus/Bengkel Peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Ke Arah Peningkatan Hasil dan Pencapaian Jabatan	1	• Pemakluman Alamat JKPTG Pejabat- Ibu Rasmii
JUMLAH ISU		4		4			JUMLAH ISU	5		3	